



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْاَهْوَالِ اِلَامَا اِسْلَامِ نَغَرِي سَابَاه

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

**19 RABIULAWAL 1447H / 12 SEPTEMBER 2025M**

### **“KESATUAN UMMAH, PERTAHANAN NEGARA”**

*Disediakan oleh*

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### **Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:**

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## **Khutbah pertama**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً  
فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا... (آل عمران: 103)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

### **SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Marilah kita bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala yang ditegah-Nya agar tergolong sebagai orang yang bertakwa. Sesungguhnya Allah bersama orang yang bertakwa dan orang yang berusaha memperbaiki amalannya. Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar. Tajuk khutbah minggu ini, **"KESATUAN UMMAH, PERTAHAN NEGARA"**.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Salah satu anugerah besar yang dikurniakan Allah SWT kepada kita adalah nikmat kemerdekaan dan pembentukan persekutuan Malaysia yang menyatupadukan wilayah Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Persekutuan Malaysia terbentuk pada 16 September 1963 yang kitaabadikan sebagai Hari Malaysia. Peristiwa ini adalah titik penting

dalam sejarah tanah air kerana sistem persekutuan atau federalisme sebagai dasar penyatuan dan kemajuan negara.

Bagaimanapun, kemerdekaan dan pelbagai nikmat lain yang kita kecapi hingga hari ini bukan datang dengan mudah. Ia adalah hasil pengorbanan darah, keringat dan air mata para pejuang terdahulu. Atas kenyataan ini, kita bukan sahaja wajib mensyukuri nikmat ini, malahan kita perlu bertanggungjawab mempertahankan serta memelihara kelangsungan negara ini yang aman, stabil dan berdaulat.

### **SAUDARA JEMAAH SEKALIAN,**

Hakikatnya, kita sebagai umat Islam harus terus bersatu padu dengan berpegang teguh kepada tali Allah (Islam) dan mengelakkan perpecahan. Ini adalah antara mafhum firman Allah SWT dalam surah ali-Imraan ayat 103 yang diselitkan pada mukadimah khutbah ini :

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ...

**Maksudnya:** *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenangilah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara...”*

Penghayatan terhadap firman Allah ini penting dan relevan mengingatkan bahawa sejarah kejatuhan empayar Islam terdahulu seperti Abbasiyah dan Uthmaniyah berpunca daripada **perpecahan, kelemahan iman, dan pemimpin yang tidak amanah**. Jangan biarkan sejarah hitam ini melanda umat Islam dan negara kita.

## **JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SEKALIAN,**

Tambahan pula kita masih dalam rangka memperingati hari maulidnya Rasulullah SAW, ada baiknya diimbaskan kembali sepintas lalu langkah yang diambil oleh Baginda dalam menyatupadukan pelbagai suku dan puak bagi menjamin kelangsungan negara Madinah. Sewaktu Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, Baginda berdepan dengan sebuah masyarakat yang berbilang kaum, suku, agama dan budaya; termasuk orang Muhajirin, Ansar, Yahudi, Nasrani, bahkan kelompok munafik. Namun, dalam tempoh singkat, Baginda SAW berjaya menyatupadukan mereka atas limpah kurnia petunjuk dan izin Allah SWT. Formula yang digunakan oleh Rasulullah SAW masih relevan hingga hari ini dalam membentuk kesatuan rakyat majmuk seperti Malaysia. Justeru itu, Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik bagi seluruh umat manusia.

Antara langkah awal yang diambil oleh Rasulullah SAW dalam menyatupadukan masyarakat Madinah sebagai sebuah negara yang harmoni, aman, maju dan adil adalah seperti berikut:

**Pertama**, membentuk sebuah dokumen bertulis yang menjadi perjanjian rasmi antara semua kelompok di Madinah yang dikenali sebagai **Piagam Madinah (Sahifah al-Madinah)**. Antara lain piagam ini menegaskan semua rakyat Madinah adalah satu ummah, walaupun berlainan agama, suku, kabilah dan sebagainya. Mereka mempunyai hak dan tanggungjawab bersama dalam mempertahankan Madinah. Segala bentuk konflik yang berlaku hendaklah diselesaikan secara aman tanpa sebarang provokasi dan intimidasi dalaman. Falsafah Piagam Madinah ini adalah untuk mendidik dan menyatukan semua pihak atas prinsip **keadilan, kerjasama dan keamanan**.

**Kedua**, menanam nilai persaudaraan dan mendamaikan puak yang bertelingkah. Langkah ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

**Yang bermaksud:** *“Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*

Rasulullah SAW bukan sekadar menyatukan golongan yang seagama, bahkan juga membina **jaringan sosial** antara mereka, berkongsi rumah, rezeki, dan tanggungjawab. Keutuhan masyarakat bermula dari hati yang bersatu, bukan semata-mata bergantung kepada sistem luaran.

**Ketiga**, memimpin berasaskan kebijaksanaan dan keadilan. Tindakan ini bertepatan dengan anjuran Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat 8 **yang bermaksud:** *“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam apa yang kamu lakukan.”*

Pemimpin yang bijaksana dan adil mampu menyatukan rakyat, walaupun berbeza latar belakang. Rasulullah SAW menunjukkan **kepimpinan inklusif**, adil dan berintegriti. Baginda tidak berat sebelah walaupun terhadap musuh baginda sendiri.

**Langkah keempat** yang diambil Rasulullah SAW ialah menitikberatkan soal komunikasi, pendidikan dan dakwah secara berhemah. Sebagaimana sirahnya, Baginda SAW tidak membina perpaduan hanya dengan perjanjian atas kertas, tetapi juga melalui **dakwah, dialog dan pendidikan berterusan**. Pendekatan ini selaras dengan saranan Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ...

**Yang bermaksud:** “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik...”

Seiringan langkah itu, Rasulullah SAW menganjurkan **amalan bermusyawah** dan sikap terbuka atau berlapang dada. Baginda sentiasa mengamalkan *syura* (perbincangan) dalam keputusan penting, termasuk melibatkan kaum bukan Islam.

Kesatuan dan perpaduan akan terbina apabila semua pihak diberi ruang serta **peluang untuk bersuara dan menyumbang melalui mekanisma syura**. Ini menimbulkan perasaan dihargai dan dipercayai kepada semua pihak.

### **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Menyimpul khutbah, perlu ditegaskan bahawa formula Rasulullah SAW membuktikan kesatuan ummah dan kelangsungan negara bukan mustahil dicapai meskipun berlatarkan anutan agama yang berbagai. Kita perlu bergerak ke arah kesatuan hati dan matlamat, bukan slogan semata. Jangan biarkan apa jua perbezaan yang wujud alasan untuk saling bercakaran, tetapi jadikan ia sebagai kesempatan untuk membenih semangat toleransi dan kebijaksanaan dalam mewacana kelangsungan

negara Malaysia bertunjangkan ketaatan kepada Allah SWT, kepada Rasul dan para pemimpin. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisa ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulil-amri (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat



secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**Disediakan dan diedar oleh:**

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:**

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com) untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.